

02 SEP 1999

MAHATHIR-MATAWANG

PASARAN BEBAS MAMPU BERFUNGSI TANPA DAGANGAN MATAWANG

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pasaran bebas masih boleh berfungsi tanpa dagangan matawang dan tanpa kesan buruk ke atas perdagangan sebenar dan pelaburan asing ke dalam sektor-sektor produktif.

"Kami di Malaysia berpendapat bahawa kami bukan berpaling tadah terhadap pasaran bebas sekiranya kami tidak membenarkan dagangan matawang.

"Perdagangan sebenar kita ataupun pelaburan asing dalam sektor produktif tidak seharusnya terjejas," katanya di simposium ulangtahun pertama kawalan modal di sini hari ini.

Kira-kira 500 peserta menghadiri simposium tersebut termasuk Dr Eisuke Sakakibara, penasihat khas kepada menteri kewangan Jepun atau lebih dikenali dengan nama jolokan "Mr Yen," Dr Amar Bhattacharya, penasihat kanan Bank Dunia dan Dr Heiner Flassbeck, bekas naib menteri kewangan Jerman.

"Sejak sekian lama tidak terdapat dagangan matawang sementara dagangan dunia berkembang pesat. Kadar tukaran tetap membolehkan nilai diberikan kepada barangan dan perkhidmatan.

"Mengapa kawalan modal berpilih-pilih berjaya adalah kerana seperti ulasan pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus, ia adalah sistem yang longgar," kata Dr Mahathir dalam ucapannya yang bertemakan "Mengapa kawalan matawang berpilih Malaysia diperlukan dan mengapa ia berjaya dilaksanakan."

Bertentangan dengan apa yang pengkritik mengandai serta menegaskan, beliau berkata langkah-langkah tersebut bukannya keterlaluan, mencengkam mahupun menyusahkan.

Tiada kerehnan birokrasi diperlukan kerana bank-bank perdagangan melaksanakan sebahagian besar urusan perniagaan secara lazimnya.

Satu lagi sebab mengapa Malaysia berjaya adalah disebabkan usaha eksportnya di mana tukaran asing banyak diperolehi.

"Tukaran asing tidak berkurangan dan tiada pula masalah mudah tunai," katanya.

Malaysia dibanjiri dana. "Saya tidak akan mengesyorkan mana-mana negara mencuba kawalan tukaran asing sekiranya mereka akan gagal menghasilkan lebihan perdagangan yang ketara," katanya.

Sebab ketiga kejayaan Malaysia ialah negara ini ikhlas dalam usaha untuk menjamin kestabilan ringgit Malaysia, bukan nilainya.

"Kami mahukan kadar yang tetap, bukan kadar yang tinggi bagi ringgit.

"Malaysia berjaya kerana ia berusaha menstabilkan ringgit pada tahap yang munasabah, dan bukan pada tahap lebihan nilai atas alasan kestabilan teknikal dan kerana Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada eksport serta daya saingannya," kata Perdana Menteri.

"Pastinya kami cuba mencapai kadar ringgit yang sewajarnya mengikut asas yang munasabah," katanya.

"Oleh kerana nilai ringgit adalah munasabah, maka tiada sebab mengapa ia perlu ditukarkan kepada matawang asing.

"Satu lagi sebab ialah dengan langkah yang berani ini, keyakinan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), ringgit Malaysia dan ekonomi sebenar cepat pulih."

Dr Mahathir berkata tanpa pemulihan keyakinan ini yang dicapai hampir semalaman, kami tidak mungkin mencapai kejayaan."

Di samping keyakinan, kawalan dilaksanakan adalah secara

berpilih-pilih.

Ternyata, beberapa faktor luaran turut membantu kejayaan ini.

Katanya dana-dana lindung nilai tergugat selepas perbalahan Long Term Capital Management.

Kestabilan matawang di Asia Timur dan pemulihan ekonomi di negara-negara tersebut turut membantu kejayaan Malaysia.

Apabila ternyata Malaysia telah berjaya serta menuju ke arah pemulihan, maka terdapat pula hujah terbaru yang menyatakan bahawa kejayaan Malaysia adalah jelas. Ekonomi-ekonomi yang dibantu IMF pun turut berjaya tanpa mengguna pakai kawalan matawang.

Dr Mahathir berkata berpegang pada hujah seperti ini adalah tidak masuk di akal.

"Jika mereka boleh berhujah bahawa yang lain telah mencapai kejayaan tanpa mengguna pakai kawalan matawang, maka hujah boleh juga dipakai yang kita capai apa yang lain capai tanpa mengharungi penderitaan pengangguran, trajedi kanak-kanak tidak ke sekolah, pemusnahan masyarakat kelas menengah yang kita ambil satu generasi untuk membinanya, rusuhan dan kegawatan politik di seluruh negara," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia berjaya mencapai apa yang lain mencapainya tanpa menanggung banyak hutang, generasi akan datang tidak dibebani dengan masalah membayar balik hutang negara, tanpa menggadaikan harta warisan, tanpa melelongkan syarikat-syarikat kepada pihak asing serta tanpa menggadaikan maruah bangsa.

Katanya ternyata apa yang difikirkan Malaysia adalah penting baginya dan mungkin tidak sepenting bagi negara-negara lain.

Sambil menyatakan ekonomi-ekonomi Asia Timur adalah berbeza, beliau menambah kata bahawa membuat perbandingan sering kali sukar dan tidak adil.

Apa yang nyata, setiap negara berhak memutuskan keutamaan masing-masing dan memilih jalan sendiri ke arah pemulihan ekonomi, katanya.

"Dan yang paling nyata, langkah-langkah berani dan tegas lagi bukan ortodoks yang kami ambil Malaysia sejak 366 hari lalu kini membuahkan hasil," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA
DVS/SO MA